

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK HAJI ABIDULLAH BIN SALLEH**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2018 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 12**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah rancangan serta langkah yang telah diambil mengikut Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020) dalam menaik taraf rangkaian landasan serta mutu perkhidmatan kereta api di seluruh negara agar menjadi satu pengangkutan alternatif kepada rakyat.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (2016-2020) Kerajaan telah meluluskan beberapa pelaksanaan projek bagi meningkatkan mutu perkhidmatan kereta api agar ianya lebih cekap, efisien dan boleh dipercayai (reliable) dan seterusnya menjadi satu pengangkutan alternatif kepada rakyat.
2. Bagi merealisasikan objektif di atas, inisiatif-inisiatif berikut sedang/akan dilaksanakan di bawah Rancangan Malaysia Ke-11:
  - a. Pembinaan Landasan Berkembar dan Membaikpulih/Menaiktaraf Infrastruktur Landasan Sedia Ada:
    - i) Meneruskan pelaksanaan Projek Landasan Berkembar Elektrik Gemas – Johor Bahru bagi melengkapkan sektor Pantai Barat Semenanjung dengan infrastruktur perkeretapian moden yang mampu menyediakan perkhidmatan tren penumpang dan kargo yang selamat, pantas dan efisien. Projek yang menelan belanja RM 10.5 billion ini dijangka siap pada Oktober 2021;
    - ii) Membaikpulih dan menaiktaraf infrastruktur landasan di Pantai Timur (Gemas – Tumpat), Rawang – Salak Selatan, Salak Selatan – Seremban, Simpang Pelabuhan Klang – Pelabuhan Klang, Kempas Baru - Pasir Gudang dan Landasan Cawangan Pelabuhan Klang Utara dengan kos keseluruhan sebanyak RM9.58 billion. Dengan penyiapan projek ini kelak, tahap keselamatan landasan dan hadlaju tren dapat ditingkatkan;

- iii) Kerja-kerja naik taraf landasan keretapi daripada Stesen Halogilat ke Stesen Tenom di Sabah dengan kos RM50 juta. Projek ini dijadualkan siap pada suku ketiga tahun 2019. Kerja-kerja naik taraf ini amat penting bagi memastikan perkhidmatan oleh Jabatan Keretapi Negeri Sabah lebih selamat seterusnya dapat mengurangkan risiko insiden kegelinciran keretapi; dan
  - iv) Kajian naiktaraf sistem komunikasi dan semboyan keretapi Negeri Sabah telah selesai dilaksanakan dengan kos hampir RM1 juta.
- b. Pembelian ETS Baru dan Baikpulih Stokereta Sedia Ada:
- i) Pembelian 19 tambahan ETS baru dengan kos RM1.1 billion yang masing-masing dijangka tiba pada September 2019 (9 set) dan Oktober 2021 (10 set). Pembelian 19 set 6-koc Electric Train Set (ETS) baru ini dijangka dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan ETS dari segi pengurangan waktu perjalanan, meningkatkan kekerapan perkhidmatan serta menarik lebih ramai rakyat agar menggunakan pengangkutan awam di laluan Johor Bahru ke Padang Besar;
  - ii) Perolehan 13 Diesel Multiple Unit (DMU) 4-koc dengan kos berjumlah RM380 juta dan akan digunakan untuk operasi komersil yang dijangka bermula pada penghujung tahun 2019 bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan dan keselesaan tren penumpang di Pantai Timur;
  - iii) Pelaksanaan kerja-kerja overhaul 40 unit lokomotif, semi-overhaul 38 set tren Komuter dan 10 set tren ETS serta baikpulih koc-koc penumpang sedia ada dengan kos keseluruhan sebanyak RM930 juta. Dengan pelaksanaan projek ini, kegagalan tren semasa operasi dapat diminimalkan dan ketersediaan (availability) tren untuk operasi juga turut ditingkatkan;

- iv) Pembelian Jentera Penyenggaraan Landasan dan Jentera Penyenggaraan Sistem Talian Atas dengan kos berjumlah RM514 juta akan dapat meningkatkan kualiti penyenggaraan landasan di rangkaian KTMB; dan
- v) Perolehan 3 set Diesel Multiple Unit (DMU) dan 6 Non-Powered Car untuk kegunaan Jabatan Keretapi Negeri Sabah. Projek yang bernilai RM50 juta ini juga akan mengatasi masalah kekurangan keretapi yang dihadapi oleh JKNS seterusnya dapat memberikan perkhidmatan yang lebih selesa kepada rakyat Negeri Sabah.

Sekian, terima kasih.